

## **PENDIDIKAN MUZIK DI MALAYSIA: PERSATUAN PENDIDIKAN MUZIK MALAYSIA DAN PERSIDANGAN PENDIDIKAN MUZIK MALAYSIA**

Tahun 2002 merupakan tahun yang mencatat sejarah bagi pendidikan muzik di Malaysia kerana pada tahun tersebut telah berlaku dua peristiwa penting, iaitu penganjuran Persidangan Kebangsaan Pendidikan Muzik (MusEd'02) yang pertama di Malaysia dan pelancaran Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia (MAME). Kedua-dua peristiwa telah berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 1-2 Julai 2002.

Walaupun secara dasarnya, pendidikan muzik di Malaysia telah mengalami perkembangan, perkembangan ini telah berlaku secara perlahan. Terdapat pelbagai isu dan masalah berhubung pendidikan muzik yang perlu ditonjolkan dan dibincang bersama oleh pendidik-pendidik muzik. Antara isu-isu ini adalah kelemahan pelaksanaan mata pelajaran muzik di sekolah-sekolah tempatan, kekurangan bahan, peralatan dan fasiliti untuk mengajar muzik, dan program persediaan guru-guru muzik. Lebih besar lagi adalah persepsi masyarakat Malaysia amnya, dan masyarakat Melayu khususnya, terhadap muzik – yang mempunyai kesan terhadap status pendidikan muzik di Malaysia. Penubuhan MAME dan MusEd'02 bertujuan membantu menangani isu-isu dan masalah-masalah ini ke arah memartabatkan pendidikan muzik di Malaysia.

### **Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia (Malaysian Association for Music Education, MAME)**

Walaupun hasrat dan kesedaran untuk menubuhkan satu persatuan pendidikan muzik telah wujud di kalangan ramai pendidik muzik di tanah air sejak mulanya muzik ditawarkan di sekolah-sekolah di Malaysia pada awal 1980-an, hasrat ini hanya direalisasikan pada 20 Mei 2002 apabila permohonan untuk mendaftarkan MAME telah diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Syarikat. Seterusnya, 1 Julai 2002 merupakan detik sejarah dalam persatuan ini khasnya dan pendidikan muzik di Malaysia amnya apabila MAME telah dilancarkan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong di Dewan Tun Hussein Onn, PWTC sempena Persidangan Pendidikan Muzik Malaysia yang pertama – MusEd'02.

Sejak pelancarannya, persatuan telah bergiat aktif untuk menghebahkan kewujudannya bagi melaksanakan matlamat dan tujuan penubuhan serta untuk

menambah keahlian. Antara aktiviti pada tahun 2002 adalah kunjungan hormat ahli jawatankuasa tertinggi persatuan ke YBhg. Dato' Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) bagi tujuan memperkenalkan Persatuan kepada Y Bhg. Dato' KPPM, menyerahkan Resolusi MusEd'02 dan membincangkan langkah-langkah serta kerjasama antara Persatuan dengan Kementerian Pendidikan bagi memartabatkan pendidikan muzik di sekolah-sekolah di Malaysia khususnya. Aktiviti-aktiviti lain termasuk penganjuran beberapa sidang akhbar serta pelancaran laman web persatuan.

Pada Januari 2003, mesyuarat agung persatuan yang pertama telah diadakan di Pusat Perkembangan Kurikulum, Jalan Duta, Kuala Lumpur dan jawatankuasa persatuan telah dilantik. Sehingga April 2003, jawatankuasa telah mengadakan sesi pengenalan dengan pelajar-pelajar di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan International College of Music (ICOM) serta guru-guru muzik yang menyertai bengkel rekorder anjuran Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Persatuan juga terbabit di dalam penganjuran *Wind Expo* oleh Yamaha Music Malaysia bersempena ASEAN-Japan Exchange Year 2003 di PWTC pada 12-13 April 2003. Persatuan juga terbabit dengan penganjuran MusEd'03 yang akan berlangsung di Hotel Concorde Shah Alam pada 4-6 Ogos 2003.

### **Matlamat Persatuan**

Matlamat umum bagi penubuhan persatuan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran (umum) terhadap kepentingan pendidikan muzik bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang celik-muzik. Manakala tujuan-tujuan persatuan adalah seperti berikut:

- a. Menyatupadukan pendidik muzik di Malaysia di bawah satu badan.
- b. Meningkatkan tahap pengajaran, penyelidikan, kemahiran dan kewibawaan para pendidik muzik serta bidang pendidikan muzik di Malaysia.
- c. Membantu memastikan penawaran kurikulum muzik di institusi-institusi pendidikan adalah berkualiti dan bersesuaian.
- d. Menggalakkan penglibatan individu daripada pelbagai lapisan masyarakat di dalam aktiviti pendidikan muzik.
- e. Menjaga kepentingan dan kebajikan pendidikan muzik di Malaysia.
- f. Mewujudkan kerjasama dengan badan-badan lain bagi menaikkan taraf pendidikan muzik di Malaysia.
- g. Menentukan kesemua kegiatan persatuan adalah sejajar dengan aspirasi dan wawasan negara.

## Keahlian

Terdapat empat jenis keahlian dalam MAME-Ahli Biasa, Ahli Kehormat, Ahli Bersekutu dan Ahli Penuntut/Pelajar.

Keahlian biasa adalah terbuka kepada semua yang terlibat di dalam pengajaran muzik dan aktiviti pendidikan manakala Keahlian Ahli Kehormat adalah berdasarkan jemputan oleh Jawatankuasa Persatuan. Keahlian Ahli Bersekutu adalah terbuka kepada semua warga Malaysia yang terlibat dengan muzik. Akhir sekali Keahlian Penuntut/Pelajar adalah terbuka kepada penuntut/pelajar yang mengikuti program pendidikan muzik di mana-mana institusi pengajian tinggi di tanah air. Seorang pelajar Universiti atau Kolej-Universiti tidak boleh diterima menjadi ahli Persatuan ini kecuali telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti yang berkenaan.

Bayaran Pendaftaran Keahlian dan yuran yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut: Bayaran Pendaftaran Keahlian RM20 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Sahaja). Yuran tahunan RM60 (Ringgit Malaysia Enam Puluh Sahaja) bagi Ahli Biasa, RM200 (Ringgit Malaysia Dua Ratus sahaja) bagi Keahlian Bersekutu dan RM20 (Ringgit Malaysia Dua Puluh sahaja) bagi ahli Penuntut/Pelajar.

Alamat-surat menyurat serta tempat urusan persatuan:

d/a Jabatan Pendidikan Seni Muzik,  
Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA,  
Kampus Seksyen 17, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan,  
Nombor telefon: 03 5548 2542 (Setiausaha) atau 03 5548 2287 (Bendahari).  
Alamat laman: [www.mame.org.my](http://www.mame.org.my)

## PERSIDANGAN PENDIDIKAN MUZIK MALAYSIA

### MusEd'02

Persidangan Kebangsaan Pendidikan Muzik (MusEd'02) yang bertemakan "Memartabatkan Pendidikan Muzik di Malaysia" telah melihat tiga buah universiti tempatan, UiTM, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), menggabung usaha untuk memberi peluang para pendidik muzik tanah air untuk mengetengahkan isu-isu, masalah, serta hal-hal semasa yang berkaitan berhubung pendidikan muzik di Malaysia. Hasrat

persidangan adalah untuk mengumpul semua tenaga yang terlibat di dalam bidang pendidikan muzik di tanah air, iaitu guru muzik di sekolah, tenaga pengajar muzik di institusi pengajian tinggi dan para pentadbir muzik untuk berbincang dan berkongsi pengalaman serta ilmu bagi memartabatkan muzik sebagai suatu bidang ilmu yang ilmiah dan mata pelajaran yang bernilai di sekolah-sekolah di Malaysia. Sejumlah 350 orang peserta yang terdiri daripada tokoh-tokoh pendidikan muzik di universiti, pensyarah-pensyarah muzik di universiti dan maktab perguruan, penyelia-penyelia serta guru-guru muzik di semua negeri di Malaysia, guru-guru muzik persendirian dan swasta, para pentadbir muzik di Kementerian Pendidikan, dan pelajar-pelajar pendidikan muzik di universiti-universiti serta maktab-maktab perguruan tempatan telah menghadiri persidangan ini.

Dua sesi Diskusi Meja Bulat (*Roundtable Discussions*) telah diadakan di kalangan peserta bagi mengenal pasti isu-isu serta status semasa pendidikan muzik (*what is the current reality?*) dan status masa hadapan yang dihasratkan bagi pendidikan muzik (*what is the desired future state?*). Pembentangan kertas-kertas kerja oleh Encik Johani Abdullah (Presiden MAME dan tokoh pendidik muzik) dan Y Bhg. Profesor Dato' Dr. Ibrahim Bajunid digunakan sebagai pencetus minda kepada kedua-dua sesi Diskusi Meja Bulat. Resolusi Persidangan Kebangsaan Pendidikan Muzik – MusEd'02 terhasil daripada Rumusan Diskusi Meja Bulat I dan Rumusan Diskusi Meja Bulat II. Persidangan dua hari itu telah membawa kepada 10 resolusi persidangan.

### **MusEd'03**

Seterusnya, pada tahun ini, UiTM, UPM dan UPSI telah menganjurkan Persidangan Pendidikan Muzik Malaysia 2003 (MusEd'03) untuk menentukan kesinambungan di antara keadaan semasa pendidikan muzik dengan masa depan yang dihasratkan dengan mengenal pasti hala tuju tertentu. Konsep MusEd'03 berbeza daripada MusEd'02 di mana persidangan kali ini menekankan kesarjanaan bidang pendidikan muzik dan membentangkan isu-isu seperti yang dikenal pasti oleh ahli-ahli fikir dalam bidang ini. Persidangan 2003 juga bersifat lebih global dan antarabangsa di mana pembentang-pembentang kertas kerja serta ahli-ahli sidang bukan sahaja dari dalam, tetapi juga dari luar negeri.

MusEd'03 telah diadakan pada 4-6, Ogos 2003 di Hotel Concorde, Shah Alam. Format persidangan meliputi ucap utama oleh Profesor Dr. Harry Price dari Amerika Syarikat dan kertas-kertas kerja plenari oleh Y Bhg. Datuk Ibrahim Bajunid, Profesor Madya Dr. Narutt Suttachitt (Thailand), Profesor Dr. Kenji Tanaka (Jepun), Profesor Francesco Engles (Filipina) serta pembentangan